

05/03/1999

Sultan Mizan Zainal Abidin ditabal Sultan Terengganu ke-16

KUALA TERENGGANU, Khamis - Sultan Mizan Zainal Abidin selamat ditabalkan sebagai Sultan Terengganu ke-16, dan Permaisuri Nur Zahirah sebagai Permaisuri Terengganu dalam istiadat gilang-gemilang di Istana Maziah, di sini petang ini.

Beliau menggantikan ayahnya, Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang meninggal dunia pada 15 Mei tahun lalu. Beliau dimasyhurkan sebagai pengganti Sultan pada tarikh yang sama di Istana Maziah.

Dalam ucapannya selepas upacara pertabalan Sultan Mizan Zainal Abidin berjanji memerintah dan melaksanakan kewajipan yang diamanahkan mengikut undang-undang kerajaan negeri.

Adik Sultan, Tengku Sri Bendahara Raja bagi pihak kerabat raja menyampaikan ucapan tahniah atas pertabalan itu manakala Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mewakili semua ahli Exco negeri, wakil rakyat, kakitangan kerajaan dan rakyat turut menyampaikan ucapan yang sama.

Selepas itu istiadat menjunjung duli diadakan. Tengku Sri Panglima Raja mendahului istiadat itu bagi pihak kerabat raja; Pegawai Kewangan negeri, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim pula melakukannya bagi pihak orang besar raja.

Turut hadir menyaksikan pertabalan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewakili Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar, Sultan Johor, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah.

Selain itu, Raja Muda Johor, Pengiran Muda Mahkota Brunei Darussalam, Raja Muda Pahang, Tengku Mahkota Kelantan, Raja Muda Perlis, Raja Muda Perak, Raja Muda Selangor dan Raja Muda Kedah.

Istiadat pertabalan bermula dengan pemasyuran tabal oleh Wan Mokhtar.

Selepas itu, Tengku Seri Raja menyempurnakan istiadat kemahkotaan dengan memakaikan Mahkota Sultan kepada Sultan Mizan Zainal Abidin dan Gendek Permaisuri kepada Permaisuri Nur Zahirah.

Sebaik saja istiadat pertabalan selesai, nobat diraja dimainkan dan tembakan meriam 21 das dilepaskan oleh Bateri Istiadat, Rejimen Askar Melayu Diraja.

Perarakan diraja dilangsungkan selepas itu, membabitkan wakil Sultan dan Permaisuri ke Istana Maziah mengelilingi bandar Kuala Terengganu melalui Jalan Sultan Zainal Abidin, Jalan Sultan Ismail, Jalan Jalan Air Jernih, Jalan Syed Zain, Jalan Pulau Kambing, Jalan Hiliran, Jalan Cabang Tiga, Jalan Sultan Mohamad, Jalan Kamaruddin dan Jalan Sultan Mahmud.

Sementara itu, istiadat Siram Tabal Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah di perkarangan Istana Maziah diadakan penuh istiadat diraja, pada jam 8.15 pagi.

Sultan dan Permaisuri yang diiringi pembawa lembing tunggal, alat kebesaran diraja bertatah emas seperti pedang, keris, tepak sirih dan ketur, pembawa lembing tunggal dan lembing berambu, payung obor-obor dan pasukan nobat berangkat dari Istana Maziah ke Panca Persada, pada jam 8 pagi.

Sebaik selesai istiadat bersiram tabal dilakukan, kerabat perempuan, Tengku Seri Raja menghadap untuk meletakkan Panca Bicara pada ulu Sultan dan Permaisuri.

Selepas upacara meletak Panca Bicara disempurnakan, paluan nobat dan tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Sultan dan Permaisuri berangkat dari Panca Persada ke Istana Maziah, pada jam 9 pagi.

(END)